

26 OCT 1999

BANK-TERAJU/I

AMMB KAJI STATUS BANK PENERAJU

KUALA LUMPUR, 26 Okt (Bernama) -- Kumpulan kewangan AMMB Holdings Bhd kelihatan bersedia untuk menempatkan dirinya sebagai salah satu daripada institusi kewangan peneraju berikutan perubahan dasar kerajaan mengenai program penggabungan bank-bank tempatan.

Ini berikutan satu kenyataan oleh pengerusinya Tan Sri Azman Hashim, hari ini yang menyatakan bahawa ia akan menghubungi pihak berkuasa mengenai merundingkan rakan-rakan penggabungan itu.

Pasaran telah menjangka AMMB akan meletakkan dirinya sebagai bank peneraju berikutan usahanya membayar balik RM900 juta pinjaman yang terhutang kepada Danamodal Nasional Bhd oleh Arab-Malaysian Merchant Bank dan Arab-Malaysian Finance Bhd.

Bank Negara Malaysia baru-baru ini mengumumkan beberapa kelonggaran bagi bank-bank tempatan untuk memilih kumpulan gabungan mereka sendiri dan bank-bank peneraju di dalam program penggabungan bank yang dikaji semula berbanding dengan peraturan sebelumnya enam kumpulan perbankan yang diketuai oleh enam bank peneraju.

"Kami akan menghubungi pihak berkuasa mengenai merundingkan rakan penggabungan," beliau memberitahu persidangan akhbar selepas perasmian Forum Perniagaan Afrika-Asia oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini.

Azman juga mengucapkan terima kasih kepada perdana menteri kerana perubahan dasar kerajaan mengenai program penggabungan bank itu.

Dr Mahathir, yang turut hadir pada persidangan akhbar itu, menjelaskan bahawa keputusan untuk mengubah program penggabungan yang ketat sebelum ini dengan dasar yang lebih fleksibel bukan keputusan beliau seorang.

"Malahan kedua-duanya (program penggabungan yang ketat dan pendirian yang fleksibel berikutnya) dibuat oleh anggota-anggota jawatankuasa kerja Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN)," katanya.

-- BERNAMA

AD SHY OS